

## **Penyelesaian Kemelut Politik Terengganu Suntik Semangat ADUN UMNO**

**Bernama**

**Mei 14, 2014**

KUALA TERENGGANU, 14 Mei (Bernama) -- Kemelut politik Terengganu yang berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang 48 jam menyuntik semangat kepada Anggota Dewan Undangan Negeri Terengganu yang kini bersatu semula di bawah payung UMNO.

Bagaikan 'biduk berlalu kiambang bertaut', pertemuan mereka dengan Perdana Menteri dan Presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya, Rabu disifatkan sebagai membawa makna begitu besar buat mereka.

Malah beberapa orang ADUN yang dihubungi BERNAMA di Kuala Terengganu melahirkan kegembiraan dengan petunjuk positif hasil pertemuan itu yang disertai juga Speaker DUN Terengganu, Mohd Zubir Embong, demi kelancaran pentadbiran negeri.

Mohd Zubir berkata kekalutan politik Terengganu selesai dengan kembalinya ketiga-tiga ADUN -- bekas Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said (Kijal), Ghazali Taib (Ajil) dan Roslee Daud (Bukit Besi) -- ke pangkuan UMNO.

"Kembalinya mereka itu atas dasar perjuangan tulus dan ikhlas, kini masanya untuk kita bersama merapatkan visi dan misi menobatkan Terengganu Maju menjelang 2020," katanya kepada BERNAMA.

ADUN Permaisuri, Datuk Mohd Jidin Shafee berkata pertemuan itu berlangsung dalam suasana penuh kemesraan dan menggembirakan tanpa sesuatu yang boleh mengguris perasaan.

"Alhamdulillah, semuanya bertaut kembali dan pulih seperti sediakala," kata Mohd Jidin, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri.

"Kami mengadakan dua pertemuan bersama perdana menteri, iaitu secara santai di kediamannya malam tadi dan perbincangan yang lebih bersifat formal dalam pertemuan tengah hari tadi ke arah soal tadbir urus negeri selepas ini.

"Malah, Menteri Besar Terengganu Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman, juga melafazkan ikrar di hadapan perdana menteri untuk berunding dengan kesemua barisan Exco serta ADUN BN negeri dalam mencapai kata muktamad dalam setiap perkara yang hendak diputuskan," kata Mohd Jidin.

Beliau berkata kesemua ADUN dan seorang wakil Anggota Parlimen dari Terengganu iaitu Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) sangat berpuas hati dengan penjelasan yang diberi perdana menteri, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Setiausaha Agung UMNO Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, sepanjang pertemuan

itu.

Bagi ADUN Air Putih, Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar, beliau yakin Menteri Besar Terengganu yang baharu akan dapat mengukuhkan penyatuan dalam UMNO dan memastikan UMNO negeri berada di landasan betul dalam menghadapi pilihan raya umum ke-14 kelak.

ADUN Jabi Mohd Iskandar Jaafar pula menegaskan UMNO adalah sebuah parti keramat dengan kesemua anggota dan pemimpinnya dididik dengan sikap cinta dan sayangkan perjuangan parti melebihi kepentingan peribadi.

"Kesilapan spontan kadang-kadang berlaku tanpa disedari... tapi akhirnya para pemimpin UMNO akan kembali semula bersatu padu kerana berpegang kepada prinsip itu," katanya.

ADUN Jerteh Muhammad Pehimi Yusof berkata syukur krisis berakhir dan masing-masing telah meletakkan rakyat, negeri dan parti sebagai suatu keutamaan.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038278>